

Hanya ada 164 buah taman asuhan di jabatan kerajaan, swasta seluruh negara

Buka lebih banyak taska di pejabat

Kesne 17/10/2015 ms 14

Oleh MULLER ASEN

KUCHING – Bilangan taman asuhan kanak-kanak (taska) yang dibuka di tempat kerja di seluruh negara dilihat masih terlalu sedikit iaitu hanya 164 buah setakat ini.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 132 buah taska dibuka di pejabat kerajaan manakala selebihnya di tempat kerja swasta.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun berkata, negeri Selangor mencatat jumlah terbanyak taska di tempat kerja swasta iaitu 11 buah diikuti Kuala Lumpur (8), Terengganu (5), Pahang (3), Johor Bahru (2) dan setiap sebuah di Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan.

Menurut beliau, kos sewa yang tinggi selain lokasi tidak sesuai dan tidak memenuhi aspek keselamatan merupakan kekangan yang kerap dihadapi syarikat swasta untuk membuka taska di premis masing-masing.

“Taska yang diwujudkan perlu memiliki ruang perlindungan yang selamat dan selesa bagi memastikan kanak-kanak mendapat asuhan berkualiti.

“Pada masa sama, setiap taska mesti berdaftar dengan Jabatan



MEI FUN (berdiri belakang, tujuh dari kanan) bergambar bersama para peserta yang hadir pada sesi dialog berkaitan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di Kuching semalam.

Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha menjaga kualiti pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak,” katanya dalam sidang akhbar selepas sesi dialog berkaitan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di sini semalam.

Mei Fun memberitahu, pihaknya berharap lebih banyak majikan swasta membuka taska di tempat kerja selain layak menerima insentif dan

potongan cukai yang disediakan kerajaan.

Mengikut syarat, JKM menetapkan taska di tempat kerja mestilah mempunyai 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan.

Taska pula mesti memiliki pengasuh warga tempatan dan berumur 18 tahun ke atas yang telah lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak yang ditetapkan JKM.